



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

**29 WARGA ASING DITANGKAP MENGGUNAKAN KAD PENGENALAN PALSU/  
ORANG LAIN DI PUCHONG, SELANGOR**

---

**PUTRAJAYA**

1. Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan JPN Putrajaya telah menjalankan satu (1) Operasi Khas (Ops Pintas) di sekitar kawasan perindustrian Puchong, Selangor pada jam 6.00 pagi, 27 Februari 2023 (Isnin). Operasi tersebut dijalankan berikutan aduan awam dan maklumat risikan bahawa terdapat ramai warga asing yang bekerja di kawasan ini yang menggunakan kad pengenalan palsu.
2. Operasi yang disertai oleh 17 pegawai penguat kuasa JPN tersebut telah berjaya memintas satu (1) van penumpang yang membawa pekerja warga asing yang disyaki menggunakan kad pengenalan palsu untuk bekerja. Pemeriksaan terperinci serta penggeledahan kenderaan telah dijalankan ke atas 14 orang penumpang telah menjumpai 13 belas kad pengenalan palsu dan satu (1) kad pengenalan milik orang lain yang digunakan oleh kesemua mereka.
3. Ekoran dari tangkapan operasi tersebut, pasukan telah membuat pemeriksaan susulan di kawasan Taman Perindustrian Puchong dan telah berjaya menahan 15 orang lain pula yang kesemuanya juga menggunakan kad pengenalan palsu. Semasa pemeriksaan dijalankan, terdapat OYDS yang telah bertindak membuang kad pengenalan palsu yang digunakan bagi mengelakkan ditahan, walau bagaimanapun taktik mereka telah berjaya dihidu dan pasukan telah berjaya menjumpai dan merampas kesemua kad pengenalan tersebut.
4. Kesemua 29 orang yang ditahan tersebut, terdiri daripada 3 lelaki dan 26 perempuan, berumur antara 19 hingga 70 tahun dan mereka mengaku berasal dari Sulawesi, Medan dan Aceh, Indonesia. Hasil siasatan juga mendapati kesemua kad pengenalan palsu diperolehi dengan bayaran RM300 untuk setiap Kad Pengenalan dari seorang ejen yang tidak dikenali di Selangor.
5. Kesemua kes disiasat di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) kerana disyaki menggunakan kad pengenalan palsu dan kad pengenalan milik orang lain sebagai pengenalan diri, sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

- 
6. Ingin ditegaskan bahawa Jabatan ini akan bertindak tegas menguatkuasakan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 bagi membendung kes pemalsuan dan penyalahgunaan dokumen pengenalan diri serta dokumen-dokumen lain yang dikeluarkan oleh jabatan ini bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terpelihara.
  7. JPN menyeru orang ramai untuk menyalurkan maklumat berhubung sebarang salah guna dan pemalsuan dokumen JPN dengan mengemukakan maklumat lanjut ke emel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my) atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) atau melalui talian telefon 03-8880 7770 / 03-8880 7768 (Maklumat anda akan dirahsiakan).

**DATO' RUSLIN BIN JUSOH**

**KETUA PENGARAH PENDAFTARAN NEGARA**

**27 FEBRUARI 2023**